

18/10/2003

Malaysia, Beirut tingkat kerjasama ekonomi, niaga

PUTRAJAYA: Malaysia dan Lubnan menubuhkan Majlis Perniagaan Lubnan Malaysia (MLBC) bertujuan meningkatkan kerjasama dalam bidang perniagaan dan pembangunan ekonomi kedua-dua negara.

Perjanjian penubuhannya ditandatangani semalam di antara Forum Perniagaan Malaysia (MBF) dan Forum Ekonomi Lubnan (LEF) sempena Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Ke-10, di Pusat Konvensyen Putrajaya.

MBF diwakili pengerusinya, Datuk Ismail Shahudin, manakala LEF diwakili Presidennya, Salim Diab. Majlis disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri Lubnan, Rafic Hariri.

MLBC ditubuhkan hasil lawatan Perdana Menteri ke Lubnan, Januari lalu yang melihat banyak peluang perniagaan boleh dimanfaatkan pelabur tempatan di negara itu.

"Banyak syarikat perniagaan dari negara ini yang berminat untuk merebut peluang perniagaan dalam program pembangunan di Lubnan," kata Ismail.

Sementara itu Salim berkata, Lubnan bakal menyediakan peluang perniagaan kepada pelabur Malaysia dalam pelbagai bidang, termasuk kejuruteraan dan pembinaan, pelancongan, pertanian serta teknologi komunikasi maklumat (ICT).

Katanya, negara itu kini menjanjikan persekitaran perniagaan yang cerah kepada pelabur negara ini kerana ekonominya yang berasaskan pasaran, selain memiliki kemahiran pekerjaan yang tinggi serta mampu menyediakan rangkaian pasaran penting di Asia Barat.

Pada majlis berasingan, dua syarikat Arab Saudi melalui Majlis Perniagaan Arab Saudi Malaysia bersetuju untuk melabur di negara ini membabitkan projek bernilai RM647.98 juta.

Majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) disaksikan Menteri Luar masing-masing, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Putera Saud Faisal Abdul Aziz.

Pelaburan membabitkan projek teknologi pengurusan sisa binatang, pembangunan portal Islam serta program pembinaan dan pembangunan belia.